

07 APR 1998

Perlumbaan-Tiket

BELI TIKET AWAL UNTUK ELAK PEREBUTAN

KUALA LUMPUR, 7 April -- Peminat perlumbaan motosikal dinasihat membeli awal tiket untuk Grand Prix Motosikal Malaysia 1998 bagi mengelak perebutan pada hari perlumbaan di Litar Pasir Gudang 19 April ini.

Penganjur perlumbaan, Malaysia Airports Berhad (MAB), berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa berdasarkan pengalaman lalu, sering berlaku perebutan membeli tiket pada hari perlumbaan.

"Mereka yang berminat boleh memulakan tempahan mulai sekarang. Kita mempunyai beberapa tempat yang boleh menerima tempahan itu, " kata Kata Pengarah Acara, Hussin Mohd Ali.

Hussin berkata, sehingga ini, jualan tiket mencapai jumlah RM850,000 dan ini amat menggalakkan.

"Rakyat Malaysia memang terkenal suka menunggu hingga ke saat akhir membeli tiket. Kita tidak mahu mereka kecewa lagi kali ini. Lebih baik beli awal kerana jualan kali ini amat menggalakkan," tambah beliau.

Ini kali pertama perlumbaan Grand Prix Motosikal Dunia peringkat Malaysia diadakan di Johor. Shah Alam telah mengajurkannya sejak tahun 1991.

Hussin berharap jualan tiket akan terus meningkat dan pada hari perlmbaan, jumlah peminat yang penuh sesak akan menyambut Perdana Menteri Datuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung Grand Prix ini.

Harga tiket untuk Grandstand (RM200), tempat duduk terbuka (RM 100), untuk tiket umum dari 17-19 April (RM 60) and kemasukan umum pada 17 dan 18 April (RM 15).

Hussin berkata jualan tiket melalui telefon boleh dibuat dan mereka yang berminat boleh menghubungi 03-7553040 atau faks 03-7552020.

Beliau juga berkata tempahan awal juga boleh dibuat melalui Sports Communications Sdn. Bhd di Johor telefon 07-3331313 atau faks 07-3331717.

-- BERNAMA

SSS ZB